

SEPTEMBER '15

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010
www.water.gov.my

MIENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



JPS Updates



MAJLIS MAKAN MALAM & PENGANUGERAHAN SIJIL JURUTERA PROFESIONAL JPS MALAYSIA



9 SEPTEMBER 2015



LAWATAN KERJA
MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM
SEKITAR KE KOTA
BELUD, SABAH

m/s 02



ANUGERAH PROJEK
TERBAIK PERINGKAT
(MCIEA) 2015

m/s 03



PROGRAM CSR
BERSAMA KOMUNITI
DENGAN
KERJASAMA JPS,
MPAJ, GEC, DAN
MAYBANK

m/s 07



KEJOHANAN
FUTSAL MAKSAK
JPS MALAYSIA
2015

m/s 08

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JTJPS) BIL.3/2015

Oleh: Bahagian Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JTJPS) Bil.3/2015 telah berlangsung pada 28 - 29 September 2015 di Bilik Mesyuarat Teratai, JPS Ampang yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin, YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan membuat pemantauan ke atas prestasi fizikal dan kewangan peruntukan pembangunan Jabatan dan Agensi.

LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE KOTA BELUD, SABAH

Oleh: Bahagian Korporat

YB Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar telah mengadakan lawatan kerja ke Kota Belud, Sabah pada 15 September 2015 bagi meninjau isu pemendapan muara Sungai Kawang-kawang dan kawasan sekitarnya. Beliau diiringi oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) bersama pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

PROGRAM MENYUSURI SUNGAI KELANTAN BERSAMA TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 14-15 September 2015 yang lalu satu Program Menyusuri Sungai Kelantan telah diadakan di Tambatan D'Raja Kota Bharu. Program ini telah dihadiri oleh Timbalan Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar, YB. Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri dan hadir bersama Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia, Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman.

Pada program berkenaan, beliau meluangkan masa kira-kira dua jam untuk menyusuri Sungai Kelantan bermula di Tambatan D' Raja di sini hingga Kuala Besar di Pantai Cahaya Bulan sejauh 10 kilometer bagi meninjau kemajuan beberapa projek tebatan banjir di bawah RMK10 yang dijalankan di sungai berkenaan. Ia jelas menunjukkan Kelantan sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan Persekutuan dalam memastikan kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi kerajaan dalam pembangunan negara.



Anugerah PROJEK TERBAIK PERINGKAT (MCIEA) 2015

Oleh: Bahagian Korporat



Pada 11 September 2015, telah berlangsungnya Majlis **The Malaysian Construction Industry Excellence Award (MCIEA) 2015**

bertempat di Grand Ballroom Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah dianugerahkan **THE BEST PROJECT AWARD (Building Project – Medium)** menerusi projek Pusat Koservasi Dan Pameran Giant Panda, Zoo Negara Malaysia. Tahniah kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam projek tersebut.

PENGALAMAN PROGRAM PERTUKARAN BELIA ASIA TENGGARA KE AMERIKA SYARIKAT DAN PERJUMPAAN DENGAN PRESIDEN BARACK OBAMA DI WHITE HOUSE

Oleh: Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Zon Pantai



Ir. Sreedaran Raman, Pendong Pengarah Kanan daripada Bahagian Pengurusan Zon Pantai, JPS telah berpeluang untuk mengikuti program *Professional Fellow of Young South East Asia Leadership Initiative (YSEALI)* di Amerika Syarikat selama enam (6) minggu (26 April - 6 Jun 2015) bersama-sama dengan 21 peserta daripada sepuluh (10) negara ASEAN yang lain. *Young South East Asia Leadership Initiative (YSEALI)* adalah sebuah program yang telah dirasmikan oleh Presiden Amerika Syarikat (U.S.) Barack Obama pada tahun 2013 untuk mengukuhkan pembangunan, kepimpinan serta mengembangkan rangkaian kerjasama di antara golongan belia di rantau Asia Tenggara.

Penempatan selama sebulan di Bandar Dubuque, Iowa telah memberikan peluang kepada beliau untuk mempelajari mengenai program tebatan banjr *The Bee Branch* dan program pengawalan kualiti air terutamanya di dalam kawalan hakisan dan kelodak. Pengawalan kualiti air dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Kualiti Air telah membantu Ir. Sreedaran Raman untuk mempelajari cara-cara menjalankan penilaian keadaan hakisan dan perubahan di sepanjang sungai dan anak sungai dengan berjalan melaluinya dan merekodkan kerosakan serta mengenalpasti kawasan yang memerlukan perhatian segera. Pada kebiasaannya aktiviti ini disertai oleh jurutera yang akan membuat rekabentuk kaedah penyelesaiannya. Selain daripada itu, beliau turut telah diajar cara-cara penguatkuasaan kualiti air di kawasan pembinaan dijalankan serta mengambil tindakan terhadap aduan dengan menggunakan sistem Online GIS. Pemantauan kualiti air sungai dijalankan setiap sebulan di beberapa stesen sungai dengan menjalankan pemeriksaan kualiti air di tapak dan sebarang kesan pencemaran yang dikesan akan dicari puncanya dan diambil tindakan segera.

Setelah tamat penempatan sebulan di bandar Dubuque, Ir. Sreedaran Raman telah menyertai *Professional Fellow Congress* di Washington D.C yang dihadiri oleh 230 peserta lain daripada 45 Negara. Di dalam kongres ini beliau telah berpeluang untuk menghadiri pelbagai sesi bengkel kepimpinan. Sebelum berangkat pulang ke Malaysia beliau dan peserta ASEAN yang lain telah di jemput oleh Presiden Amerika Syarikat, Presiden Barack Obama ke majlis forum bersamanya di White House. Di forum tersebut Ir. Sreedaran Raman telah berpeluang untuk menyoal Presiden Barak Obama mengenai nilai-nilai kepimpinan. Sedutan video forum tersebut boleh ditonton di laman web berikut <http://youtu.be/gkFZ4ROaZho>.

BENGKEL KHAS BERSAMA MEDIA Oleh: Bahagian Korporat "CABARAN NRE DALAM PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR SECARA LESTARI"

Pada 30 September 2015, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menganjurkan program Bengkel Khas Bersama Media yang bertemakan "Cabaran NRE Dalam Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar Secara Lestari". Lima Jabatan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia telah menyertai program ini yang disempurnakan pembukaannya oleh YBhg. Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Program ini telah turut dihadiri oleh media tempatan. Pembentangan berkenaan JPS Malaysia telah disampaikan oleh Pn. Yuslina binti Mohd.Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Korporat dengan kerjasama En.Wan Marhafidz Shah bin Wan Mohd. Omar, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Banjir dalam membentangkan isu berkenaan Rancangan Tebatan Banjir. Bengkel ini bertujuan untuk mempromosikan usaha dan cabaran Jabatan dalam perkhidmatan kepada rakyat melalui media tempatan.



LAWATAN AUDIT TEKNIKAL PENGURUSAN PROJEK

Oleh: Bahagian Projek Khas

Bahagian Projek Khas JPS Malaysia telah menjalankan Audit Teknikal bagi Projek Pembersihan dan Pengindahan Sg. Melaka Parcel 2 – Pakej 2 pada 2 September 2015 bertempat di Pejabat Projek Pembersihan dan Pengindahan Sg. Melaka.

Seramai 4 orang pegawai Bahagian Projek Khas iaitu Pn Rashidah binti Ibrahim, En Mohd Nor bin Ismail, En Baidhil Aimie bin Mustapha dan Puan Nurul Syariza binti Ramli bersama 2 pegawai Projek Pembersihan dan Pengindahan Sg. Melaka iaitu Hj Kamaruddin bin Sahibun dan En Lokman bin Amir Hamzah telah menghadiri audit tersebut.

Audit ini diadakan adalah untuk melaksanakan pengauditan projek untuk setiap sekali setahun dan ini merupakan salah satu dari Petunjuk Prestasi (KPI) bahagian di bawah Pelan Strategik JPS bagi memastikan amalan terbaik pengurusan projek dipatuhi.



ANUGERAH AKRAB BESTARI DI SEMINAR AKRAB NRE 2015

Oleh: Jawatankuasa Pelaksana AKRAB JPS Malaysia



Pada 2 & 3 September 2015 telah berlangsung Seminar AKRAB NRE 2015 di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli Putrajaya dengan tema "TRANSFORMASI DI ERA GLOBALISASI". Program ini merupakan program Dwi Tahunan yang mana sebelum ini dikenali sebagai Konvensyen AKRAB NRE.

Untuk julung kalinya bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan dan jasa bakti Ahli AKRAB NRE, beberapa anugerah untuk individu dan jabatan telah diberikan. Dalam majlis penganugerahan ini Puan Maslina binti Abdul Kadir telah dianugerahkan sebagai AKRAB BESTARI. Anugerah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

AKRAB Bestari ialah ahli AKRAB yang mempunyai pengetahuan yang luas dan baik budi pekertinya prihatin dalam hal-hal kebajikan terhadap ahli- ahlinya seiring dengan kemajuan dan perkembangan teknologi terkini. Kelebihan yang ada pada seseorang AKRAB Bestari ini gigih dan positif dalam melibatkan diri di dalam aktiviti intervensi peringkat jabatan, komuniti setempat dan juga organisasi peringkat kebangsaan.

Pada hari kedua Seminar AKRAB NRE 2015 telah diadakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan AKRAB NRE kali ke 4 AKRAB NRE 2015-2017. Dua orang ahli AKRAB dari JPS telah dilantik untuk menyandang jawatan penting di dalam jawatankuasa tersebut iaitu Puan Maslina binti Abdul Kadir sebagai Timbalan Pengerusi dan Puan Sapuar binti Abdul Rahman dipilih sebagai Setiausaha AKRAB NRE Sesi 2015-2017, manakala Puan Siti Fairus binti Hj. Zakaria adalah wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

MAJLIS MAKAN MALAM & PENGANUGERAHAN SIJIL JURUTERA PROFESIONAL JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 9 September 2015 telah berlangsungnya Majlis Makan Malam dan Majlis Penganugerahan Sijil Jurutera Profesional JPS MALAYSIA di Auditorium JPS AMPANG anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dengan kerjasama Lembaga Jurutera Malaysia dan *The Institution of Engineering Malaysia*.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Adanan bin Mohamed Hussain, *President Board of Engineers Malaysia* (BEM), YBhg. Dato' Ir. Lim Chow Hock *President Institution of Engineering Malaysia* (IEM) dan pengarah-pengarah bahagian. Tahniah di atas penganugerahan Sijil Jurutera Profesional kepada pegawai-pegawai JPS yang terlibat.



LAWATAN PENANDARASAN SISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KE INSTITUT PENYIARAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)


Oleh: Jawatankuasa Latihan EKSA JPS Malaysia

Lawatan ke IPPTAR telah diadakan pada 17 September 2015. Lawatan ini telah disertai oleh 30 orang kakitangan terdiri daripada ketua zon dan wakil bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JPS Malaysia yang ketuai oleh Dr. Hj. Abu Hanipah bin Ramli, selaku Ketua Jawatankuasa Latihan EKSA JPS Malaysia.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk menjadikan IPPTAR sebagai penandaarasan bagi mempertingkatkan lagi pengurusan EKSA di JPS Malaysia. Satu taklimat EKSA telah disampaikan oleh Puan Siti Meriam bin Husin selaku Fasilitator dan Ketua Penyelaras EKSA IPPTAR. Taklimat adalah merangkumi semua pengurusan EKSA yang dijalankan IPPTAR. Selepas taklimat, peserta telah dipecahkan kepada empat (4) kumpulan untuk mengadakan lawatan ke setiap zon di IPPTAR seperti Zon Musytari, Zuhal, Neptune dan Pluto. Banyak ilmu dan manfaat yang telah diperolehi sepanjang lawatan di IPPTAR.

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan suatu penambahbaikan yang diperkenalkan oleh MAMPU pada tahun 2014 dan IPPTAR telah memperolehi Pensijilan MAMPU kategori Cemerlang. Tahniah IPPTAR. Sekalung tahniah dan ucapan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga IPPTAR di atas layanan penuh kemesraan yang diberikan kepada semua peserta lawatan.

Adalah menjadi harapan agar JPS Malaysia akan berjaya memperolehi pensijilan EKSA kategori Cemerlang pada tahun 2015 ini juga.



RIVER OF LIFE: KEY INISIATIF 9 – PROMOTE, ENFORCE AND MANAGE RIVER CLEANLINESS AND HEALTH – EROSION FROM URBAN DEVELOPMENT

Oleh: Bahagian Saliran Mesra Alam

Bertempat di Avillion Core Admiral Hotel Port Dickson pada 22 September 2015 telah diadakan satu mesyuarat bagi mengenalpasti penyediaan Pelan Strategik untuk Pelaksanaan dan Pengurusan dan Kesihatan Sungai – Siri ke-3. Mesyuarat ini telah diketuai oleh Pengarah Bahagian Saliran Mesra Alam, Ir. Low Koon Sing, dan turut hadir Dato' Ir. Hj Mohd. Azmi Bin Ismail.

Seramai 42 pegawai menghadiri mesyuarat ini iaitu wakil-wakil daripada agensi luar seperti NRE, JKT, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar Selangor/HQ (JAS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyedia dan menghasilkan pelan strategik untuk pelaksanaan dan pengurusan pembersihan dan kesihatan sungai (hakisan dan kelodak) serta untuk mendapatkan maklumat dan idea daripada agensi-agensi lain yang berkaitan dalam melengkapkan pelan strategik tersebut.



LAWATAN KE KILANG 'FLAP GATE'

Oleh: Bahagian Projek Khas

Pada 10 September 2015, Ir Hj Amir Hamzah bin Ja'afar, Timbalan Pengarah M&E Bahagian Projek Khas bersama En Baharudin bin Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah M&E Bahagian Projek Khas serta Hj Nazari bin Rashid, Perunding AEC Sdn Bhd telah menghadiri Lawatan Ke Kilang 'Flap Gate' bagi Projek Anak Bukit yang diadakan di Kean Chooi Engineering & Construction (m) Sdn Bhd, Butterworth, Pulau Pinang.

Lawatan ini diadakan bagi menjalankan 'Factory Material Inspection' ke atas bahan pintu air bagi mengesahkan bahawa bahan yang digunakan jenis 'stainless steel 316' seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi yang terdapat dalam dokumen kontrak.



PAMERAN SERTA SEMINAR 'RIVER OF LIFE' (ROL)

Oleh: Bahagian Korporat dan Bahagian Pengurusan Lembaga Sungai



Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi menyediakan platform yang lebih besar bagi penggiat industri pembinaan tempatan dan antarabangsa bertemu serta berkongsi maklumat produk-produk terkini, perkhidmatan dan teknologi hijau, bahan binaan, jentera dan ICT. Program-program yang dijalankan adalah seperti pameran, persidangan, seminar, pertandingan rekabentuk dan anugerah industri.

Dato' Ir. Hj Mohd. Azmi Bin Ismail telah memberi penerangan berkaitan dengan Projek 'River Of Life' (ROL) di dalam salah satu forum yang dianjurkan bagi tujuan untuk memperkenalkan dan memberi pendedahan tentang kepentingan 'River Of Life' dalam pembangunan pesat negara terutama kepada masyarakat.

Bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC) telah berlangsungnya *International Construction Week 2015 (ICW 2015)* pada 9 hingga 11 September 2015 dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Seramai 9 pegawai JPS Malaysia yang terlibat dalam pameran dan seminar ini iaitu Dato' Ir. Hj Mohd. Azmi Bin Ismail, En Thillappan Subramaniam, Pn Rosnizawati binti Roslan, Wong Chee Loong, Pn Nurazlina binti Mohd Zaid, Pn Nur Iryani binti Mohd Noor, Pn Suzana Binti Abu Hassan, En Yusli bin Muhammad, Pn Nurwahidah binti Hj. Abdul Rahman.

International Construction Week 2015 (ICW 2015) merupakan anjuran Lembaga Pembangunan Industri

PROGRAM CSR BERSAMA KOMUNITI DENGAN KERJASAMA JPS, MPAJ, GEC DAN MAYBANK

Oleh: Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai

Pada 5 September 2015, satu program CSR bersama komuniti dengan kerjasama JPS, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), *Global Environmental Centre* (GEC) dan Maybank telah berlangsung di Dewan Komuniti Rumah Pangsa Taman Keramat AU2, Taman Keramat.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr. John Lee Hin Hock, *Group Chief Officer* Maybank Bhd (GCRO) Maybank dan turut dihadiri oleh Ir. Mohd Said b Dikon, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Yang Dipertua MPAJ Tuan Haji Abdul Hamid bin Hussain, Puan Zuraina Binti Said (Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ), Dr. Kalithasan (*Coordinator River Care Global Environmental Centre* (GEC) dan En. Mohamad Halim bin Mohamad Said (Pengerusi KRT Rumah Pangsa AU2, Taman Keramat)

Seramai 350 orang termasuk penduduk setempat, pelajar, NGO dan pegawai-pegawai kerajaan dan JPS yang telah menyertai program ini. Objektif program ini diadakan adalah untuk menggalakkan perlibatan agensi-agensi korporat dalam aktiviti bersama masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti penjagaan sungai dan mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan kebersihan dan mengurangkan pencemaran di Sg. Klang untuk kesejahteraan pada masa hadapan.



INDEKS PENARAFAN BINTANG MAMPU 2015

Oleh: Bahagian Audit Prestasi

Pada 10 – 11 September 2015 telah berlangsungnya Majlis Penilaian Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) MAMPU Tahun 2015 di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat JPS Malaysia. Majlis ini telah diketuai oleh Y.Bhg Dato' Ir. Haji Zulketli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II dan turut hadir Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan bersama pengarah-pengarah bahagian.

Penilaian Penarafan Bintang yang diterajui oleh MAMPU merupakan satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi penyampaian perkhidmatan dalam kalangan agensi – agensi sektor awam. Objektif pelaksanaan penilaian ini adalah untuk:

i. Menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders*.

- ii. Memperkasakan elemen Transformasi dan Inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi.
- iii. Memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi cemerlang.

Penilaian indeks SSR ini akan menumpukan kepada empat (4) bidang fokus iaitu Pematuhan, Kualiti, Transformasi dan Inovasi berdasarkan tiga (3) kriteria iaitu *Outcome-Based*, *Customer-Centric* dan *Stakeholders' Aspiration*.



LAWATAN PENGURUSAN ATASAN KE LOKASI CADANGAN PUSAT DATA SEKTOR AWAM

Oleh: Bahagian Pengurusan Maklumat

Satu lawatan pengurusan atasan telah diadakan pada 22 September 2015 bertempat di Pusat Data KPM, Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Lawatan ini diketuai oleh Y.Bhg Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir Bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia. Turut dihadiri bersama Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Hanapi bin Mohamad Noor, Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi dan Puan Norizan Binti Harun, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar lokasi cadangan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) bagi penempatan server-server Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) serta untuk mengenal pasti keperluan infrastruktur yang akan disediakan oleh pihak MAMPU dan JPS. Pusat Data Sektor Awam ini dijangka siap pada bulan Mei 2016. Secara dasarnya pengurusan atasan berpuas hati dengan lokasi dan kemudahan yang disediakan oleh pihak MAMPU.



KEJOHANAN FUTSAL MAKSAK JPS MALAYSIA 2015

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Bertempat di Kuantan Futsal Center, Bandar Indera Mahkota, Pahang telah berlangsungnya Kejohanan Futsal MAKSAK JPS MALAYSIA pada 13 September 2015. Sebanyak 11 pasukan yang telah menyertai kejohanan ini antaranya JPS Terengganu, JPS Kedah, JPS Johor, JPS Kelantan, JPS Melaka, JPS Negeri Sembilan, KEJAPS, KESSO, JPS Pahang A & B dan JPS Perak.

JPS Johor telah dinobatkan selaku juara dalam kejohanan ini dengan persaingan yang begitu sengit dapat dilihat semasa penentuan juara yang memperlihatkan pasukan dari JPS Johor bertemu KESSO. Keputusan rasmi Juara - JPS Johor, N. Juara - KESSO, Ketiga - JPS Terengganu, Keempat - JPS Pahang B.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Endik Shaharuddin Bin Ibrahim, Pengarah JPS Pahang kepada kedua-dua pasukan. Tahniah kepada pasukan yang menang dan 'MAJULAH SUKAN UNTUK JPS'.



Air

Oleh: Hasil Nukilan Hazalifah binti Hamzah,
Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi

Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.
(Surah Al-Mu'minuun, 23:18)

*Air,
Penciptaanmu begitu seni,
Mengikut kehendak dan maghfirah Ilahi,
Tak henti-henti mengalir dan berbakti
demi kepentingan insani.*

*Air,
Kehadiranmu selalu kami nanti,
Dari awan kau jatuh ke bumi,
Mengalir ke bumi mengikut topografi,
Gunung, lurah ke sungai kau turuni,
Lalu, mengalir ke muara laut dan
pantai...
nan indah ciptaan Ilahi.*

*Air,
Kau jua tersimpan asli di dalam bumi,
Atas kehendak Ilahi,
Demi hambaNya yang dikasihii,
Kami gali untuk kebaikan para ahli,
Ya Ilahi, nikmat mana yang patut kami
tidak syukuri,
Kau hadiahkan kami,
Permata asli...setitis air yang memberi
erti,
Sebagai nadi kehidupan ini.*

*Air,
Walau bah mahupun setitis
turunanmu...
Adalah atas ketetapan Ilahi,
Untuk kami syukuri dan perhati,
Nikmat Ilahi yang dirahmati.*

*Air,
Kitaran hidupmu kini dilupai,
Manusia leka dan terus mencemari,
Kau dieksploitasi,
Dirimu yang sememangnya nadi
kehidupan kami,
Ramai yang melupai,
Namun ada yang menghargai.*

*Air,
Percikan dan gemersik alunan bunyimu,
Memecah hening waktu dan
menenangkan kami,
Damai dirasakan di dalam kalbu dan
sanubari,
Mendamaikan hati yang mungkin telah
hilang di angin lalu yang kini segar
kembali,
Panas sejuk dingin titis-titismu menjadi
pembersih dan penyembuh diri kami,
Kami lahir, kami hidup dan kami mati
bersamamu duniawi dan ukhrawi.*

*Air,
Kau terlalu dekat dengan kami,
Moga kami diberi kekuatan dan ilizim
dihati,
Memegang amanah Ilahi untuk terus
menjaga dan menghargai,
Sesungguhnya kau ciptaan Ilahi yang
tiada galang ganti,
Untuk kami hingga akhir nanti.*

Updates SIDANG REDAKSI '15

PENASIHAT

Meng. Datuk Zainal Zulkarnaini

PENYELARAS

Haji Wan Zaman bin Zaman

KETUA EDITOR

Haji Muzafar Mohamed bin Haji C. Mohd Saari

EDITOR

Muhammad Mohd Saari

PENOLONG EDITOR

Hajati binti Zainal
Nurhafizah binti Yusoff
Norhazirah binti Samudra
Suzainyah binti Nurhidayah
Nur Azwan binti Abd Jalil

SUMBANGAN BERITA OLEH

Jabatan Kesihatan
Bahagian Pengurusan Zon Pantai
Bahagian Pengurusan Bahagian Sungai
Bahagian Kesihatan Pengurusan
Bahagian Pengurusan Muzium
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Penyelidikan
Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi
Kuantan, 20 September 2015

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Kesihatan
Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia
Bahagian Sumber Manusia
50676 Kuala Lumpur

DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

SIJUDUNG, 03/09/2015

Sesungguhnya umat dan dunia serta
peribadi-pribadi ini adalah sebagai
hambatan yang menghalang kepada kita menuju

Tel: yati@water.gov.my
No Tel: 03-26151765

Tel: nurhayati@water.gov.my
No Tel: 03-2616 1449

Tel: noraini_s@water.gov.my
No Tel: 03-2616 1461